

Umno (baru) lebih demokratik

BH 15 APR 1988

KUALA LUMPUR, Khamis — Jawatan Presiden dan Timbalan Presiden Umno (baru) tetap dipertandingkan dan proses pemilihannya lebih demokratik daripada Umno (lama), demikian diputuskan oleh Mesyuarat Agung Khas Umno (baru) malam tadi.

Pindaan perlembagaan parti itu yang diluluskan oleh Mesyuarat Agung Khas Umno (baru) memberi 10 undi tambahan sebagai mewakili keputusan bahagian, selain daripada undi perwakilan yang hadir di Perhimpunan Agung.

Ini bermakna setiap calon Presiden dan Timbalan Presiden akan mendapat 10 undi tambahan daripada setiap bahagian yang mencalonkan mereka.

"Pindaan itu bertujuan memastikan pendapat dan keputusan sebahagian besar ahli dibe-

Oleh NAZAR ABDUL

ri keutamaan, terutama dalam memilih pucuk pimpinan.

"Kita harus memberi pertimbangan kepada keputusan sebilangan besar ahli dan bukan hanya kepada 1,500 perwakilan yang membuat penentuan," kata Presiden Umno (baru) Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mempengerusikan Mesyuarat Agung Khas dan mesyuarat MT Umno (baru) di Menara Datuk Onn di sini.

□ LIHAT CARTA DI MUKA 2

Pindaan ini bermakna jika seseorang tokoh itu mendapat pencalonan daripada 50 bahagian, dia secara automatik mendapat 500 undi dan jumlah itu akan dicampurkan dengan undi yang diperolehi daripada perwakilan di perhimpunan agung.

Menurut beliau cara baru pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden bertujuan memastikan perwakilan tidak membelakangkan keputusan bahagian di segi pencalonan dan menjamin sebahagian besar ahli membuat penentuan.

Katanya, dalam pemilihan Umno (lama) yang lalu, ramai perwakilan membuat keputusan sendiri yang bertentangan dengan keputusan bahagian mereka, dan ini tidak memberi gambaran sebenar pendirian cawangan dan bahagian mengenai pemilihan Presiden dan Timbalan Presiden.

Mesyuarat Agung Khas itu juga menerima keanggotaan Majlis Tertinggi Jawatankuasa Penaja Umno (baru) sebagai Majlis Tertinggi (MT) Umno (baru).

Dengan ini bermakna Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi Presiden Umno (baru), Timbalan Presiden, Encik Ghafar Baba; tiga Naib Presiden ialah Encik Anwar Ibrahim, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Datuk Amar Wan Mokhtar Ahmad, Setiausaha Agung, Datuk Mohamad Rahmat dan Bendahari Datuk Paduka Daim Zainuddin.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Ketua dan Naib Ketua Pemuda dan Wanita akan dilantik oleh MT. Ini bertujuan mengelakkan corak politik buruk dan tidak sihat yang boleh menjadi masalah serta menggugatkan parti.

Fasal 7.8.1.2 perlembagaan Umno (baru) memberi kuasa kepada Presiden dengan per-

● LIHAT MUKA 2 RUANG 5

Majlis Tertinggi lantik Ketua Pemuda, Wanita

BH 15 APR 1988

● DARI MUKA 1 ●

setujuan MT melantik Ketua, Naib Ketua Pemuda dan Wanita.

Presiden Umno (baru) berkata, pindaan itu bertujuan memperkukuhkan perlembagaan yang diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan serta mengatasi masalah dalam pemilihan di peringkat cawangan, bahagian dan pusat.

"Perlantikan Ketua Pemuda dan Wanita adalah di atas budibicara MT dan semua 133 Ketua Pemuda dan Wanita bahagian berhak dilantik sebagai ketua peringkat pusat," katanya.

Bagaimanapun, perlantikan Ketua dan Naib Ketua Pemuda dan Wanita Negeri akan dibuat oleh Ketua Pemuda dan Wanita kebangsaan.

Menurut Datuk Seri Dr Mahathir, Perhimpunan Agung akan tetap memilih Presiden, Timbalan Presiden, tiga Naib Presiden dan 25 ahli MT setiap tiga tahun.

Beliau berkata, bagi menjamin suara Pemuda dan Wanita tidak hilang di perhimpunan agung, kedua-dua pergerakan kini boleh menghantar 30 wakil iaitu ditambah daripada lima mengikut perlembagaan Umno lama.

Bagaimanapun jelasnya, Ketua Pemuda dan Wanita tidak lagi secara automatik menjadi wakil bahagian masing-masing ke perhimpunan kerana mereka perlu bertanding untuk menjadi wakil.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata pemilihan di peringkat atas perlu dikurangkan bagi mengelakkan percubaan beberapa pihak tertentu menghalang orang yang berhak menjadi ahli, mengambil bahagian dalam kegiatan parti.

Mengenai peraturan Ketua Pemuda dan Wanita bahagian perlu bertanding untuk jadi wakil ke Perhimpunan Agung, beliau menjelaskan ia bertujuan mengelakkan kegiatan kurang sihat kerana mereka sering menjadi tumpuan orang tertentu untuk mendapatkan sokongan.

Beliau berkata pindaan perlembagaan Umno (baru) itu akan dibentangkan dalam mesyuarat agung pertama parti itu sedikit masa lagi untuk penelitian ahli.